

Malaysia sedia tawar bantuan kepakaran kepada Guinea-Bissau

BERITA HARIAN 05 JUN 2025

m/d: 3

Lawatan Embalo beri makna besar, perkukuh kerjasama pelbagai bidang

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia sedia menawarkan bantuan kepakaran dan latihan kepada Guinea-Bissau menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, program berkenaan akan diselaras-kan Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

“Hubungan kita dengan Guinea-Bissau sebelum ini boleh dikatakan agak sederhana, namun dengan lawatan ini, ia memberi makna lebih besar.

“Ini kerana Presiden (Jeneral Umaro Sissoco Embalo) membawa visi dan komitmen untuk menjadikan Malaysia sebagai pangkalan penting dalam mengembangkan hubungan dengan rantau ASEAN termasuk dalam aspek perdagangan, pelaburan dan kerjasama pelbagai bidang,” katanya pada sidang media bersama sempena lawatan rasmi Embalo ke Malaysia, di sini semalam.

Anwar berkata, kedua-dua negara turut menyentuh isu kerjasama dalam bidang halal, perbankan dan kewangan Islam serta latihan teknikal dan pendidikan tinggi termasuk dalam bidang semikonduktor, teknologi makanan serta industri minyak dan gas.

Malah, beliau berharap Emba-

lo dengan syarikat utama negara seperti PETRONAS dan FELDA Global Ventures (FGV) dapat membuka potensi kerjasama dua hala dalam sektor minyak dan gas serta perladangan.

“Kita mahu kerjasama ini bukan terhad di peringkat nasional, sebaliknya menjadi batu loncatan untuk melebarkan hubungan di peringkat subrantau dan benua Afrika secara keseluruhan.

“Guinea-Bissau juga mempunyai hubungan baik dengan beberapa kuasa besar dunia termasuk Emiriah Arab Bersatu (UAE), Perancis, Russia dan Amerika Syarikat. Justeru, kerjasama dengan negara itu berpotensi memberi manfaat kepada Malaysia,” katanya.

Perdana Menteri menyifatkan, kehadiran buat julung kali Presiden Guinea-Bissau sebagai langkah penting membuka lembaran baharu hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Malaysia menjadi contoh


Sementara itu, Embalo berkata, Guinea-Bissau sedia mencontohi pengalaman Malaysia kerana jauh mendahului dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, kesihatan dan industri.

“Bagi saya, Malaysia menjadi contoh bukan hanya di Asia Tenggara, malah di peringkat dunia dan kami berasa bangga kerana kita bersaudara dan seharusnya saling menyokong seperti adik-beradik.

“Saya juga ingin menyatakan bahawa hubungan ini akan diperkukuh antara saya dan Perdana Menteri (Anwar) serta pasukan kami,” katanya.

Terdahulu, Embalo diberi sambutan rasmi di Bangunan Perdana Putra, dengan disambut Anwar.

Embalo kemudian memeriksa pasukan Kawalan Kehormatan terdiri daripada 103 anggota dan



Anwar bersama Embalo di Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

tiga pegawai dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja.

Kedua-dua pemimpin kemudian menghadiri mesyuarat bersama dengan perbincangan tertumpu kepada usaha memperkukuh kerjasama dua hala, khususnya dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pertanian, pendidikan dan pembangunan kapasiti, selain bertukar-tukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa berkepentingan bersama.

Bagi meraikan Embalo dan delegasinya, Perdana Menteri seterusnya mengadakan jamuan tengah hari rasmi di Kompleks Seri Perdana.

Malaysia dan Republik Guinea-Bissau menjalin hubungan diplomatik pada November 1974.

Pada 2024, dagangan Malaysia dengan Guinea-Bissau mencapai RM4.1 juta, dengan nilai eksport Malaysia ke Guinea-Bissau sebanyak RM4.04 juta dan import berjumlah RM0.06 juta.